

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**SBW201 - Teori dan Isu Pembangunan**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** Soalan sahaja.

...2/-

1. a. Apakah ciri-ciri sistem Kapitalisme? (25 markah)  
b. Bagaimanakah teori kapitalisme mempengaruhi globalisasi? (75 markah)
  
2. a. Apakah 3 komponen utama dalam pendekatan dialektik yang digunakan oleh Marx? (10 markah)  
b. Huraikan secara ringkas pendapat Marx mengenai:
  - i. Pengenalan mesin, sebagai satu kaedah pengeluaran menindas golongan proletar. (30 markah)
  - ii. Empat aspek, bagaimana buruh dieksploitasi dan disisihkan dalam konsep pengasingan buruh (*alienation of labour*). (30 markah)
  - iii. Kerajaan dijadikan alat bourjuis. (30 markah)
  
3. a. Apakah yang dimaksudkan dengan teori Pergantungan? (20 markah)  
b. Bagaimanakah teori Pergantungan berbeza dengan teori Marxisme? (40 markah)  
c. Menurut Andre Gunder Frank, apakah faktor yang menyebabkan kemunduran di kalangan negara mundur? (40 markah)
  
4. a. Apakah yang dimaksudkan dengan ekosentrik dan teknosentrik? (30 markah)  
b. Huraikan sejauh mana fahaman ekosentrik mempengaruhi pembangunan dunia masa kini? (35 markah)  
c. Mengapakah pendekatan pembangunan mampan yang berlandaskan teknosentrik dikritik dan disamakan dengan pembangunan sistem Kapitalis? (35 markah)

5. a. Apakah yang dimaksudkan dengan populisme? (20 markah)
- b. Mengapakah konsep pembangunan yang berteraskan akar umbi (*grassroot*) mula mendapat perhatian di kaca mata dunia, terutama sekali di negara sedang membangun? (40 markah)
- c. Huraikan pendekatan PRA (*Participant Rural Appraisal/Participant Reflective Action*) yang dipopularkan oleh Robert Chambers. (40 markah)
6. a. Apakah rahsia di sebalik kejayaan Negara Industri Baru (NIB) di Asia Timur berbanding dengan kegagalan negara-negara di Amerika Latin seperti Mexico, Brazil dan Argentina? (50 markah)
- b. Merujuk kepada krisis kewangan tahun 1997, bincangkan dari perspektif sosialis mengenai pergantungan negara sedang membangun di Asia kepada sistem ekonomi di negara maju. (50 markah)